

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

RME 352 Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Binaan

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

- (i) Jawab Soalan 1 dan TIGA soalan lain.
 - (ii) Sekiranya anda menjawab Soalan No. 5, sertakan Lampiran B1, B2 dan B3 ke dalam Buku Jawapan anda.
1. Penyata pendapatan (untung-rugi) dan kunci kira-kira Syarikat A Sdn. Bhd. dan B Sdn. Bhd. pada tahun 1989 adalah seperti dalam Lampiran A1 dan A2. Andaikan yangimbangan dalam akaun aset dan ekuiti pada akhir tahun, hampir sama dengan imbalan purata dalam jangkamasa tersebut. Cukai Syarikat ialah 40%.
- (a) Gunakan maklumat-maklumat di atas untuk mengira nisbah-nisbah berikut untuk Syarikat A Sdn. Bhd. dan B Sdn. Bhd.:
 - (i) Kadar pulangan dari ekuiti pemegang saham
 - (ii) Nisbah keuntungan dari Hasil
 - (iii) Nisbah pusing ganti inventori
 - (iv) Nisbah semasa
 - (v) Nisbah Cepat/Ujian Asid
 - (vi) Nisbah Hutang-Ekuiti

(14 Markah)

...2/-

(b) Dari Nisbah-nisbah yang diperolehi, rumuskan syarikat mana yang:

(i) Lebih beruntung

(ii) Lebih cair

(iii) Lebih stabil dalam jangka masa panjang

Jawapan anda hendaklah mengambil kira:

- Nisbah-nisbah yang berkaitan
- Had-had penggunaan nisbah-nisbah tersebut.

(26 Markah)

2. (a) Aset dan liabiliti boleh dikelaskan kepada beberapa kategori. Berasaskan persamaan $ASET = LIABILITI + EKUITI\ PEMILIK$, huraikan maksud ungkapan-ungkapan ini, termasuk pengekelasan-pengekelasan yang berkaitan.

(10 Markah)

(b) Penyata pendapatan (untung-rugi) sesebuah organisasi perniagaan diperlukan oleh beberapa pihak. Nyatakan pihak-pihak yang memerlukan penyata pendapatan (untung-rugi) ini dan jelaskan sebab-sebabnya.

(10 Markah)

3. Pengurusan modal kerja boleh berbentuk liberal, konservatif atau agresif. Sebuah firma binaan besar memerlukan pengurusan modal kerja yang cekap.

Dengan bantuan carta-carta tertentu, bincangkan konsep asas modal kerja dan perbezaan ketiga-tiga bentuk strategi pengurusan di atas, dan cadangkan bentuk strategi yang sesuai untuk firma binaan besar.

(20 Markah)

...3/-

4. (a) Huraikan perbezaan antara sewa beli dan sewa pajak serta sarankan alternatif yang sesuai di antara keduanya untuk sebuah firma binaan yang telah mendapat kontrak tebusguna tanah bernilai \$500 juta. Jangkamasa kontrak ialah 5 tahun.

(10 Markah)

- (b) Terangkan perbezaan antara sewa pajak operasi dan sewa pajak kewangan. Yang mana lebih sesuai untuk sebuah firma binaan?

(10 Markah)

5. Syarikat ABC mempunyai dua kontrak yang berjalan seiring pada tahun 1988 dan 1989. Maklumat berkenaan projek tersebut adalah seperti di Lampiran B1.

- (a) Dengan menggunakan Lampiran B1, B2 dan B3, selaraskan akaun untung rugi untuk tahun 1988 dan 1989 dengan menggunakan kaedah peratusan siap dan kaedah kontrak siap.

(15 Markah)

- (b) Untuk pelaporan pencukaian, kaedah kontrak siap selalunya disarankan untuk firma binaan. Huraikan kenapa kaedah ini disyorkan.

(5 Markah)

6. (a) Ada pendapat yang mengutarakan perakaunan firma binaan adalah unik. Huraikan faktor-faktor yang menyokong pendapat ini.

(10 Markah)

- (b) Sebuah loji pembancuh simen bernilai \$1 juta telah dibeli oleh Syarikat ABC. Alat tersebut mempunyai usia guna selama 5 tahun. Nilai sisaan selepas tamat usia guna ialah \$75,000.

Kirakan susutnilai alat tersebut dengan menggunakan kaedah garis lurus dan kaedah baki berkurangan.

(10 Markah)

-ooo000ooo-

PENYATA UNTUNG-RUGI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 1989

	A	B
	<u>Sdn. Bhd.</u>	<u>Sdn. Bhd.</u>
	(000)	(000)
Hasil Pembinaan	4,300	3,000
<u>Tolak: Kos Barang Dijual</u>	<u>(2,800)</u>	<u>(1,400)</u>
Untung Kasar	1,500	1,600
Belanja Operasi		
Gaji dan Upah	330	580
Insurans	<u>100</u>	<u>200</u>
	(430)	(780)
Untung bersih sebelum cukai	1,070	820
Cukai	<u>428</u>	<u>328</u>
Untung selepas Cukai	<u>642</u>	<u>492</u>

PENYATA KUNCI KIRA-KIRA
Pada 31 Disember 1989

	A <u>Sdn. Bhd.</u> <u>(000)</u>	B <u>Sdn. Bhd.</u> <u>(000)</u>
<u>ASET</u>		
<u>Aset Semasa</u>		
Tunai	100	50
Akaun belum terima	700	400
Kerja sedang berjalan	1,200	750
	<u>2,000</u>	<u>1,200</u>
<u>Aset Jangka Panjang</u>		
Peralatan dan loji	4,000	4,800
	<u>6,000</u>	<u>6,000</u>
Jumlah Aset		
<u>EKUITI</u>		
<u>Liabiliti Semasa</u>		
Akaun Belum Bayar	572	172
Cukai Belum Bayar	428	328
Jumlah Liabiliti Semasa	1,000	500
<u>Liabiliti Jangka Panjang</u>		
Pinjaman (10 peratus)	1,000	2,000
<u>Ekuiti Pemegang Saham</u>		
Saham Biasa	2,000	2,000
Perolehan tertahan	2,000	1,500
Jumlah Ekuiti	4,000	3,500
Jumlah Ekuiti & Liabiliti	<u>6,000</u>	<u>6,000</u>

	Kontrak 1		Kontrak 2	
	<u>1988</u>	<u>1989</u>	<u>1988</u>	<u>1989</u>
Nilai Kontrak	9,762,353	-	12,896,470	-
Peratusan Siap (%)	30	70	40	40
Jumlah Dibilkan	2,440,588	7,321,765	5,481,000	4,513,765
Jumlah Diterima	2,091,933	7,670,420	4,513,765	4,836,176
Kos Ditanggung	2,324,370	6,603,630	4,674,970	4,907,383
Kos Dibayar	1,975,715	4,627,915	3,707,735	5,158,588

	<u>1980</u>	<u>1989</u>
Jumlah Belanja	300,00	400,000
Jumlah telah dibayar	280,000	410,000

(i) Hasil

Kaedah Kontrak Siap

Kontrak yang disediakan

Kontrak 1

Kontrak 2

Jumlah Hasil

	1988	1989
Kontrak 1		
Kontrak 2		
Jumlah Hasil		

Kaedah Peratusan Siap

Peratusan Siap

Kontrak 1

1988

1989

Kontrak 2

1988

1989

Jumlah Hasil

	1988	1989
Kontrak 1		
Kontrak 2		
Jumlah Hasil		

(ii) Kos-Kos Pembinaan

<u>Kaedah Kontrak Siap</u>	1988	1989
Kos Penyiapan Kontrak		
Kontrak 1		
Kontrak 2		
Jumlah Kos		
<u>Kaedah Peratusan Siap</u>		
Kos Ditanggung:		
Kontrak 1		
Kontrak 2		
Jumlah Kos		

(iii) Belanja Tahunan yang tidak dapat diagihkan pula akan ditetapkan seperti berikut:

	<u>1988</u>	<u>1989</u>
Kaedah Kontrak Siap	\$	\$
Kaedah Peratusan Siap	\$	\$

	Kaedah Kontrak Siap		Kaedah Peratusan Siap	
	1988	1989	1988	1989
(i) Hasil dari Pembinaan	\$			
(ii) Kos Pembinaan				
Untung Kasar				
(iii) Perbelanjaan				
Untung Bersih (Rugi) Sebelum Cukai				
Cukai (andaian 40%)				
Pendapatan Bersih				